



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 37

Selasa

31 Oktober 2017

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Harga Minyak Masak**
– *YB. Tuan Wong Ling Bui (Sarikei)* [Halaman 1]

- **Masalah Syarikat Insurans MCIS di Sibu**
– *YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)* [Halaman 4]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 31 Oktober 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Harga Minyak Masak

2.34 ptg.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan pengumuman Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin pada 26 Oktober 2016, harga minyak masak paket satu kilogram dijual pada harga RM2.50 manakala harga minyak masak botol dijual mengikut harga minyak sawit mentah di pasaran bermula pada 1 November 2016.

Dengan perkara ini, saya berasa terkejut kerana jualan minyak masak di Bandar Sarikei masih amat mahal dan tidak mengikut harga yang ditetapkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Ketika November 2016, harga minyak kelapa sawit mentah hampir RM3,000 satu tan, tetapi selepas itu, harga minyak masak kelapa sawit mentah telah menurun hampir RM2,500 satu tan pada Jun 2017. Jikalau mengikut ucapan Yang Berhormat Datuk Seri Hamzah Zainudin, iaitu minyak masak adalah mengikut harga minyak sawit, jadi minyak masak bulan Jun sepatutnya menurun lebih 15 peratus.

Sebagai contoh, lima kilogram minyak masak yang dijual dengan harga RM25 sepatutnya dijual dengan harga RM21. Akan tetapi harga minyak masak di pasaran langsung tidak turun mengikut harga pasaran yang ditetapkan. Jadi, soalan saya ialah mengapakah minyak masak dijual dengan harga yang mahal dan tidak mengikut harga minyak sawit mentah di pasaran.

Selain itu, minyak masak paket satu kilogram sering kehabisan stok di pasaran.

Saya pernah mencari di seluruh *supermarket* di Bandar Sarikei dan Bintangor, itu kawasan sayalah. Akan tetapi minyak masak paket satu kilogram sukar didapati. Akhirnya, saya mendapati sesetengah peniaga yang memiliki minyak masak paket satu kilogram yang banyak telah menyembunyikannya dan masih menjualnya dengan harga yang tinggi.

Di samping itu, Malaysia merupakan negara pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia, tetapi mengapa harga minyak masih tidak dirasionalisasi. Contohnya, jika harga kelapa sawit pasaran sekarang ialah RM2,700 satu tan, jadi 1 kilogram minyak sawit mentah sepatutnya ialah RM2.70.

Berdasarkan pengumuman oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainudin, harga minyak sawit mentah mesti menambah penapisan dan keuntungan iaitu RM1 setiap kilogram. Oleh itu, 5 kilogram minyak masak sepatutnya dijual dengan harga RM18.50 $[(RM2.70+RM1) \times 5 \text{ kilogram}]$, tetapi harga minyak masak yang dijual di pasaran masih lebih mahal daripada harga ini.

Minyak masak adalah keperluan asas semua masyarakat. Oleh itu, kerajaan telah menawarkan subsidi bagi satu kilogram minyak masak untuk menolong golongan berpendapatan rendah, tetapi mengapa satu kilogram minyak masak sering kehabisan stok dan rakyat terpaksa membeli minyak masak yang mahal dan tanpa subsidi. Isu-isu ini telah membuktikan strategi kerajaan di atas minyak masak adalah gagal. Jadi, apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan pada masa depan untuk menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

2.38 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat petang, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Wong Ling Bui, Ahli Parlimen dari Sarikei.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan penstrukturan subsidi minyak masak pada 1 November 2016 di mana pemberian subsidi bagi minyak masak dalam pek, 5 kilogram, 3 kilogram, 2 kilogram dan 500 gram telah dimansuhkan. Pemberian subsidi bagi pek satu kilogram *polybag* masih dikekalkan dan pembungkusan baru dalam pek satu liter botol telah diperkenalkan serta turut diberikan subsidi.

Soalan Yang Berhormat, mengapa harga minyak masak tanpa subsidi tidak berubah mengikut minyak masak sawit mentah (MSM) dunia? Tuan Yang di-Pertua,

harga jualan runcit minyak masak dalam botol tanpa subsidi adalah lebih mahal berbanding harga minyak sawit mentah yang rendah di pasaran. Ini kerana harga jualan runcit minyak masak ditentukan oleh beberapa faktor. Kos yang terlibat contohnya, harga minyak sawit *olein* semasa, kos penapisan, kos pembungkusan, kos logistik serta kos operasi kilang yang terlibat secara langsung.

■1430

Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh MPOB, purata harga *palm olein* bagi bulan November 2016 ialah RM3,010 per tan metrik dan terus meningkat sebanyak 11 peratus pada bulan Februari iaitu RM3,366 per metrik tan. Manakala harga *palm olein* bagi bulan Jun ialah RM2,878.50 per metrik tan. Disebabkan oleh penstrukturan semula subsidi minyak masak, pembelian minyak masak tanpa subsidi oleh pengguna adalah rendah dan mengambil masa untuk terjual berbanding minyak masak bersubsidi. Oleh yang demikian, minyak masak yang berada di pasaran merupakan bekalan yang dihasilkan pada pengeluaran yang terdahulu.

Walau bagaimanapun, KPDNKK boleh mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 sekiranya terdapat aduan mengenai penjualan minyak masak di pasaran yang dijual pada harga yang tidak munasabah.

Kedua, ketiadaan bekalan minyak masak di Sarikei dan Bintangor. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod tahun 2017, didapati tiada sebarang kes atau aduan dikemukakan kepada KPDNKK mengenai ketiadaan bekalan atau peniaga menyembunyikan minyak masak di kawasan Sarikei dan Bintangor. Sehubungan itu, kementerian ini menggesa supaya mana-mana pihak yang mempunyai maklumat mengenai kes-kes sebegini agar segera melaporkannya kepada KPDNKK untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Ketiga, pandangan Yang Berhormat Sarikei bahawa lima kilogram minyak masak sepatutnya dijual dengan harga RM18.50 (RM2.70 [harga minyak sawit mentah (MSM)]+RM1 [tapisan dan untung] x 5 kilogram).

Tuan Yang di-Pertua, minyak masak tanpa subsidi yang dijual di pasaran adalah minyak masak yang telah diproses. Oleh yang demikian, harga jualan runcit, minyak masak akan mengambil kira kos minyak *olein* semasa, kos penapisan, kos pembungkusan, kos logistik serta kos operasi kilang yang terlibat secara langsung. Oleh yang demikian, harga jualan runcit minyak masak tanpa subsidi sudah semestinya lebih tinggi dan berbeza mengikut pembungkusan pengeluaran berbanding harga minyak sawit mentah yang belum diproses.

Keempat, dakwaan satu kilogram minyak masak sering kehabisan stok dan rakyat terpaksa membeli minyak masak yang mahal dan tanpa subsidi. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, bekalan minyak masak bersubsidi dalam negara adalah mencukupi di mana sebanyak 60,000 tan metrik bersamaan 60 juta pek *polybag* 1 kilogram diagihkan ke seluruh negara setiap bulan. Sekian, terima kasih.

■1440

Masalah Syarikat Insurans MCIS di Sibu

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan masalah syarikat insurans MCIS yang cuba menyembunyikan dokumen-dokumen yang boleh membuktikan bahawa polisi-polisi insurans yang dibeli oleh mangsa-mangsa kepada kes penipuan insurans di Sibu pada tahun 2015 adalah tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan mangsa-mangsa, kebanyakan polisi insurans yang dibeli oleh mereka tidak pernah ditandatangani oleh mereka sendiri, tetapi mengikut MCIS semua polisi-polisi insurans yang terlibat adalah sah. Selain itu, apabila mangsa-mangsa memohon untuk mendapat salinan buku polisi insurans mereka dan dokumen yang berkaitan, MCIS tidak memberi kerjasama yang sepatutnya dengan tidak memberi apa-apa alasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Bank Negara Malaysia menyiasat kes insurans ini semula dan mengarah MCIS supaya semua dokumen yang berkaitan haruslah ditunjukkan kepada mangsa-mangsa. Kalau terdapat salah-laku oleh pihak MCIS, MCIS harus memulangkan semua wang yang dilabur oleh mangsa-mangsa kes penipuan insurans ini. Sekian, terima kasih.

2.46 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengarahkan MCIS untuk menjalankan siasatan terperinci terhadap dakwaan-dakwaan yang dikemukakan oleh pengadu-pengadu pada September 2015 dan laporan siasatan telah dikemukakan kepada BNM pada Mac 2016.

Berdasarkan penelitian BNM, MCIS telah menjalankan siasatan mereka ke atas dakwaan-dakwaan pengadu dan juga telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) berjumpa dan berbincang dengan pengadu-pengadu secara perseorangan bagi mendapatkan maklumat dan bukti mengenai dakwaan-dakwaan terhadap salah laku ejen insurans MCIS; dan
- (ii) menyasat semua ejen mereka yang terlibat secara langsung dalam penjualan polisi berkenaan.

Berdasarkan hasil siasatan yang dijalankan, MCIS telah memutuskan bahawa tidak terdapat penipuan dalam penjualan polisi insurans oleh ejen-ejen MCIS, bersandarkan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) tiada bukti-bukti kukuh untuk menyokong dakwaan-dakwaan pengadu;
- (ii) penjualan polisi dibuat secara telus dengan menggunakan bahan pemasaran yang diluluskan oleh syarikat;
- (iii) pengesahan daripada pengadu bahawa bayaran wang premium yang dibuat melalui ejen-ejen MCIS adalah jumlah yang sama diterima oleh MCIS untuk polisi mereka; dan
- (iv) keengganan pengadu untuk membuat pengakuan bersumpah bagi menyokong dakwaan-dakwaan mereka, sekiranya benar.

MCIS juga telah bertemu kesemua pengadu bagi memaklumkan dan menjelaskan keputusan syarikat untuk tidak membatalkan polisi dan memulangkan wang premium. Walau bagaimanapun, MCIS telah memberi jaminan kepada BNM untuk memastikan penyelesaian yang adil kepada pemegang-pemegang polisi sekiranya mereka dapat memberikan bukti-bukti yang kukuh terhadap aduan mereka aduan mengenai penipuan tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 1 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.48 petang]